



MODEL PENGAJARAN TARIKH ADAB DAN NUSUS UNTUK KURIKULUM BERSEPADU DINI (KBD)

[THE TEACHING MODEL OF ARABIC LITERATURE AND NUSUS FOR THE INTEGRATED DINI CURRICULUM (KBD)]

Rosni Samah¹, Aishah Isahak² & Najwa Rosni³

^{1,2} Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

³ Pasca Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding Author: *aishah_isahak@usim.edu.my*

Received: 7/3/2025

Accepted: 24/3/2025

Published: 31/3/2025

Abstrak

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang dikenali sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran DSKP KBD Semakan 2022 mempunyai subjek Adab dan Nusus yang berpandukan kepada sukatan dan buku teks kurikulum Al-Azhar. Subjek ini merupakan subjek yang sukar difahami dan juga pelajar kurang bermotivasi. Pengajarannya lebih kepada pendekatan terjemahan untuk memahami kandungan. Dalam Bahasa Inggeris terdapat model yang dikemukakan oleh Carter dan Long (1991) untuk pengajaran sastera. Tujuan kajian ini adalah bagi mengkaji pandangan pakar bahasa Arab terhadap penggunaan model ini yang boleh diadaptasi untuk pengajaran sastera Arab dalam kurikulum KBD. Bagi mendapatkan data, kajian ini menggunakan instrumen temu bual kepada peserta kajian seramai lima orang guru bahasa Arab daripada tiga buah universiti awam. Dapatkan menunjukkan bahawa model yang diutarakan ini bersesuaian dan boleh diadaptasi untuk pengajaran sastera Arab dalam kurikulum KBD. Kajian ini mencadangkan agar model ini menjadi rujukan dalam pengajaran subjek Adab dan Nusus untuk pelajar bukan penutur jati.

Kata kunci: Sastera Arab, Adab dan Nusus, model sastera, pelajar bukan penutur jati, kurikulum DINI

Abstract

The Integrated Dini Curriculum (KBD), known as the Curriculum and Assessment Standard Document DSKP KBD Review 2022, incorporates the subjects of Adab and Nusus, which are derived from the syllabus and textbooks of the Al-Azhari curriculum. The teaching of these subjects primarily focuses on translation methods to aid in comprehending the content. A model suggested by Carter and Long (1991) in the context of English literature for literature teaching has been established. This study aims to explore Arabic language teachers' perspectives on the applicability of this model, particularly its potential adaptation for teaching Arabic literature within the KBD curriculum. To gather data, the study employed interviews with five Arabic language teachers from three public universities. The findings suggest that the proposed model is appropriate and can be effectively adapted for teaching Arabic literature in the KBD curriculum. This study recommends the adoption of this model as a reference for teaching the subjects of Adab and Nusus to non-native students.

Keywords: Arabic literature, Adab and Nusus, literary model, non-native students, DINI curriculum

PENDAHULUAN

Bahagian Pendidikan Islam KPM telah membuat semakan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang dikenali sebagai DSKP KBD Semakan 2022. Berasaskan kepada MOA baharu yang dijalankan antara KPM dengan pihak Universiti al-Azhar, kurikulum tersebut telah dijenamakan semula sebagai Kurikulum Bersepadu Dini Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini. Pelajar-pelajar yang berada dalam Tingkatan 4 bagi sesi 2023 (aliran KBD) menggunakan buku teks baharu. Kandungan buku teks tersebut diambil daripada kandungan buku teks di *Maahad Bu'uth al-Azhar*, Mesir.

Antara subjek kurikulum ini adalah *al-Adab Wa al-Balaghah*. Sukatan bagi buku teks *al-Adab* tingkatan empat mengandungi tiga zaman bermula dengan zaman *Jahiliyyah, Islami* dan berakhir dengan zaman *Umawwi*. Buku teks tingkatan lima pula bermula dengan zaman *Abbasi, Mamluki* dan diakhiri dengan zaman Andalus. Buku teks tingkatan lima mengandungi perbincangan Sastera Moden. Setiap perbincangan dalam ketiga-tiga buku teks ini dibahagikan kepada tiga pembahagian utama. Pertama tentang faktor-faktor yang menyumbang perkembangan sastera bagi setiap zaman. Kedua tentang perbincangan puisi. Bahagian ketiga pula dikhususkan untuk perbincangan prosa. Pengajarannya lebih berbentuk terjemahan yang menyebabkan pelajar kurang berminat dan kurang memahami kandungan terutamanya dalam penghayatan estetika sastera.

Dalam pengajaran bahasa Inggeris, bahan sastera digunakan bagi menggalakkan proses pembelajaran. Begitu juga model pengajarannya telah diperkenalkan oleh Carter dan Long (1991). Justeru, kajian ini bertujuan bagi mengkaji pandangan guru-guru bahasa Arab terhadap penggunaan model Carter dan Long (1991) yang boleh diadaptasi untuk pengajaran sastera Arab dalam kurikulum KBD.

Dalam pembelajaran dan pengajaran subjek sastera Arab di Malaysia, didapati terdapat permasalahan yang ketara dari sudut minat pelajar dan kesukaran memahaminya. Kelemahan ini disebabkan oleh bahasanya yang agak tinggi tidak dapat dikuasai dan difahami oleh pelajar. Isu ini berlaku hasil rentetan kelemahan

mereka sendiri dalam penguasaan bahasa Arab. Isu ini telah dibincangkan oleh penyelidik dalam kajian-kajian lepas seperti Rosni Samah dan Aishah Isahak (2024) yang membincangkan kelemahan penguasaan bahasa Arab di peringkat sekolah mahupun universiti yang telah diperkatakan sejak tahun 90-an lagi oleh kajian-kajian lepas Osman Khalid, 1993; Ab. Rahim Ismail, 1994; Siti Saudah Hasan, 1994; Tarmizi, 1997 sehingga sekarang seperti kajian yang dilakukan oleh Rosni Samah (2009), Abdul Razif et al. (2017), Asmuni et al. (2020), Izzah Syakirah dan Rosni Samah (2020), dan Rosni Samah et al. (2023). Hasil tinjauan daripada beberapa kajian yang telah dijalankan dapat dikenal pasti punca kelemahan tersebut iaitu bertitik tolak daripada diri pelajar sendiri. Mereka mempunyai motivasi yang rendah dan kurang berstrategi dalam mempelajari bahasa Arab.

Kekurangan minat atau motivasi ini turut terdapat dalam mempelajari sastera Arab. Dapatan penyelidik terdahulu menjelaskan bahawa pelajar mempunyai minat yang rendah dalam membaca bahan sastera. Mohamad dan Sulong (2016) menjelaskan bahawa sampel kajian mereka tidak berminat membaca novel bahasa Arab. Sampel ini adalah daripada pelajar universiti awam. Dapatan Radzi et al. (2017) menjelaskan bahawa sampel kajian mereka yang terdiri daripada mahasiswa beberapa buah universiti awam menyatakan bahawa mereka tidak memilih bahan sastera.

Harun Baharudin (2017) dalam kajiannya menyatakan pelajar kurang membaca novel. Nursafira Lubis et al. (2022) dalam kajian mereka menyatakan pelajar masih berada pada tahap sederhana dalam penggunaan novel sebagai bahan bahasa Arab. Faktor utama disebabkan oleh kurang motivasi dan minat serta tiada pendedahan. Zainur Rijal dan Rosni Samah (2018) dalam kajian mereka menjelaskan bahawa pelajar bermasalah mengikuti kursus-kursus sastera Arab kerana mereka kurang penguasaan kosa kata. Rosni et al. (2023A) dalam kajian mereka menjelaskan bahawa pelajar di peringkat universiti mempunyai tahap yang rendah dalam penguasaan saiz kosa kata sastera Arab.

Kelemahan ini turut terdapat dalam kalangan pelajar sekolah menengah lagi yang dicerapi oleh penyelidik terdahulu. Zainur Rijal et al. (2016) dalam kajian mereka menunjukkan bahawa pelajar memahami kosa kata utama dalam buku teks sastera Arab di peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pada tahap yang rendah. Izzah Syakirah dan Rosni (2020) dalam kajian mereka menjelaskan pelajar di peringkat STAM masih lemah dalam memahami makna kosa kata sastera Arab.

Subjek sastera sebenarnya dapat menyuntik motivasi belajar bahasa Arab dan meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa jika pendekatan pembelajarannya bersesuaian. Kajian Rosni Samah et al. 2023 menjelaskan bahawa bahan sastera dapat meningkatkan tahap motivasi pelajar dan membantu pencapaian kemahiran bahasa mereka. Aprillya Alwien Suoth et al. (2023) menjelaskan bahawa bahan sastera dapat meningkatkan penguasaan bahasa pelajar dan membina kemahiran yang diperlukan.

Bahan sastera telah digunakan dengan meluas bagi pengajaran bahasa Inggeris untuk menarik minat dan meningkatkan tahap penguasaan kemahiran bahasa.

Dapatan kajian Aprillya Alwien Suoth et al. (2023) menunjukkan bahawa bahan sastera membantu dalam penguasaan bahasa yang dipelajari. Carter dan Long (1991) telah mengutarakan tiga model untuk pengajaran sastera. Model pengajaran sastera ini boleh diadaptasi untuk pembelajaran sastera Arab kepada penutur bukan Arab. Oleh itu, kajian ini mengkaji pandangan guru-guru bahasa Arab terhadap penggunaan model ini yang boleh diadaptasi untuk pengajaran subjek *al-Adab* dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD).

Kajian ini bertujuan:

- i. Mengetahui pandangan pakar bahasa Arab terhadap kesesuaian penggunaan Model Bahasa Carter dan Long (1991) yang boleh diadaptasi untuk pengajaran sastera Arab dalam kurikulum KBD.
- ii. Meneliti pandangan pakar bahasa Arab terhadap kesesuaian penggunaan Model Budaya Carter dan Long (1991) yang boleh diadaptasi untuk pengajaran sastera Arab dalam kurikulum KBD.
- iii. Mengkaji pandangan pakar bahasa Arab terhadap kesesuaian penggunaan Model Perkembangan Pribadi Carter dan Long (1991) yang boleh diadaptasi untuk pengajaran sastera Arab dalam kurikulum KBD.

KAJIAN LITERATUR

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)

Penggubalan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) adalah berhasrat bagi mencapai wawasan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan individu yang mempunyai tahap intelek, emosi, rohani dan jasmani yang seimbang dan harmonis (Bahagian Pendidikan Islam, 2022).

Antara subjek dalam kurikulum KBD ini ialah *Tarikh al-Adab al-Arabi wa Nususuhu* yang memberi fokus kepada sejarah kesusasteraan Arab dan perbincangan teks sastera. Subjek ini merupakan subjek teras dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang ditawarkan di sekolah-sekolah agama Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri (SMAN) dan sekolah agama swasta. Subjek ini mempunyai buku teks tersendiri. Sukatannya digubal khas berpandukan sukan sekolah menengah *Buuth Al-Azhari*. Buku teksnya juga berpandukan kepada buku teks yang diterbitkan oleh *Buuth Al-Azhari*.

Kandungan bukunya, (*Lilsaffi al-Awwal Athanawi*, 2021) boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama. Pertama, kandungannya berkaitan dengan sejarah perkembangan sastera dari sudut zaman kemunculan bagi setiap zaman, faktor-faktor yang mempengaruhi kemunculan dan perkembangannya termasuklah faktor politik, ekonomi, kemasyarakatan, pemikiran dan keagamaan. Bahagian kedua ialah kandungan yang berkaitan dengan sastera, iaitu puisi dan prosa. Dalam puisi dibincangkan tema-tema yang mendominasi setiap zaman, dan tema-tema yang

baharu muncul dalam setiap zaman baharu, sejarah dan biodata penyair, serta contoh bagi setiap tema penyair tersebut. Bahagian akhirnya perbincangan menganalisis teks puisi yang terdiri daripada makna perkataan, penerangan linguistik, pembinaan retorika, rema, gambaran dan makna umum yang disampaikan oleh penyair. Dalam bahagian prosa pula dibincangkan tema-tema, bentuk-bentuk prosa mengikut zaman, sasterawan bagi setiap bentuk prosa serta contoh prosa dengan analisisnya seperti perbincangan perkataan sinonim, kandungan linguistik, daksi retorika serta makna umum yang hendak disampaikan oleh sasterawan.

Bahasa dalam buku teks ini, boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, bahasa moden yang menerangkan tentang sejarah dan perkembangan sastera serta penerangan dan penjelasan kepada teks sastera itu sendiri. Kedua, bahasa lama atau *turath* yang digunakan bagi teks sastera mengikut zaman yang bermula dari zaman *Jahiliyyah* sehingga ke zaman moden. Bahasa-bahasa tersebut dengan gayanya yang tersendiri perlu dirujuk kepada antologi puisi atau kamus bagi mendapatkan makna sebenar yang dikehendaki oleh sasterawan. Kebiasaan penerangan bagi perkataan-perkataan yang sukar difahami telah diuraikan di dalam antologi dan buku-buku penerangan bagi teks sastera. Begitu juga makna umum bagi teks sastera juga telah dijelaskan beserta imaginasi yang digambarkan oleh sasterawan untuk pembaca.

Secara umumnya, sukatan *al-Adab* mempunyai bahagian sejarah sastera dan teks yang dibahagikan kepada tiga sukatan. Pertama, sukatan untuk tingkatan empat yang digabungkan tiga zaman, iaitu zaman *Jahiliyyah*, zaman permulaan Islam dan Zaman *Ummawiyah*. Sukatan kedua pula untuk tingkatan lima yang terdiri daripada zaman Abbasi Awal, Abbasi Kedua, Mamluki dan Andalusi. Manakala sukatan ketiga pula untuk tingkatan enam yang terdiri daripada zaman pentadbiran Uthmaniyyah dan zaman moden.

Kandungan sukatan bagi tahun empat, lima dan enam terlalu banyak kerana ia menggabungkan beberapa zaman yang luas. Bagi memudahkan pembelajaran, peta minda perlu digariskan supaya pelajar dapat menggambarkan pokok perbincangan secara ringkas seperti yang dicadangkan oleh Atoh, N. (2020) tentang keberkesanan penggunaan peta minda dalam pembelajaran subjek sastera Arab. Dari sudut pembahagian perbincangan secara umum bagi setiap zaman adalah seperti berikut:

- 1- Pengenalan setiap zaman yang dimulakan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan sastera seperti politik, kemasyarakatan, ekonomi, budaya, pemikiran dan kepercayaan.
- 2- Perbincangan tema-tema puisi yang berkembang dan tema-tema baharu dalam setiap zaman.
- 3- Pembinaan puisi dan ciri-ciri keistimewaannya dari sudut bentuk dan kandungan.
- 4- Perbincangan penyair dan contoh puisi mereka.

- 5- Analisis puisi yang terdiri daripada makna perkataan, kaedah *nahu* dan *sarf*, anasir *balaghah*, makna khusus dan umum, pembinaan puisi dan gambaran imaginasi serta rema.
- 6- Perbincangan prosa dan bentuk-bentuknya.
- 7- Perbincangan sasterawan dan contoh prosa.

Sastera Dalam Pembelajaran Bahasa

Ramai sarjana seperti F. R. Leavis (1943), Maley and Moulding (1985), Collie and Slater (1987), Duff and Maley (1990), Parkinson, Brian; Thomas, H.R. (2001) dan Duff, A. & Maley, A. (2007) berpendapat tentang keberkesanan bahan sastera dalam pengajaran bahasa dan banyak memberi manfaat. Antaranya ialah menyediakan konteks yang bermakna, melibatkan pelbagai kosa kata, dialog, dan prosa yang mendalam. Ia juga dapat menarik minat berimajinasi serta meningkatkan kreativiti, dan menggalakkan pemikiran kritis yang selaras dengan prinsip pengajaran bahasa komunikatif.

Teks sastera menyediakan kandungan yang bernilai dengan bahasa deskriptif dan watak serta plot yang menarik. Ia mengambarkan realiti yang sebenar dan dinamik serta memperkenalkan pelbagai kosa kata yang mendalam, dialog dan prosa yang boleh digunakan untuk komunikasi aktiviti seharian. Alam (2007) menjelaskan bahawa, teks sastera merangsang imaginasi serta menawarkan kepada pelajar contoh penggunaan bahasa yang sebenar yang membolehkan mereka melakukan perbincangan kumpulan dan penerokaan individu. Kramsch (1993) berpendapat bahawa teks sastera boleh memberikan pelajar peluang berunding secara dialogik tentang makna serta memberi pelajar akses kepada dunia sikap dan nilai, imaginasi kolektif dan kerangka rujukan sejarah yang membentuk memori bangsa atau komuniti bahasa. Sastera menyediakan bahan bahasa yang autentik dengan memberi contoh bahasa sebenar tentang kehidupan seharian. Brumfit dan Carter (1986) menjelaskan bahawa teks sastera ialah teks yang autentik, bahasa sebenar dalam konteks, yang boleh memberikan respons secara langsung serta membantu pelajar membangunkan kebolehan interpretasi.

Lazar (1993) menjelaskan bahawa sastera adalah sumber yang sangat baik untuk membangunkan kebolehan pelajar bagi menyimpulkan makna dan membuat tafsiran. Ini kerana teks sastera kaya dengan pelbagai tahap makna, dan memerlukan pelajar terlibat secara aktif dalam meneroka dan menggali implikasi tersirat yang tidak dinyatakan dalam teks tersebut. Sastera juga akan meningkatkan semua kemahiran bahasa kerana ia dapat memperluaskan pengetahuan linguistik dengan memberikan bukti penggunaan kosa kata yang meluas dan halus, serta sintaksis yang kompleks dan tepat. Konteks yang kaya dengan bahasa menjadikan item leksikal atau sintaksis lebih mudah diingati oleh pelajar.

Collie, J. dan Stephen, S. (1987) mencadangkan bahawa dalam membaca teks sastera, pelajar juga perlu mengatasi bahasa yang ditujukan untuk penutur asli. Mereka akan memperoleh kemahiran tambahan dengan pelbagai penggunaan

linguistik, bentuk dan konvensyen mod tulisan seperti ironi, pendedahan, hujah, penceritaan, dan sebagainya. Bahan sastera juga menawarkan bahan tulisan yang banyak dan pelbagai yang membincangkan isu kehidupan manusia yang abadi serta menggambarkan watak-watak yang jelas daripada pelbagai latar belakang sosial. Oleh itu, ia dapat meningkatkan pandangan pelajar mengenai masyarakat bahasa sasaran dan merapatkan jurang budaya. Menurut kajian Nellufar Yeasmin (2011) pelajar bahasa asing boleh diajar dengan jayanya dengan menggunakan teknik pengajaran bahasa melalui sastera. Teks sastera merupakan sumber yang baik untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Model Pengajaran Sastera

Carter dan Long (1991) telah mengutarakan tiga model untuk pengajaran sastera seperti berikut:

1 - Model Bahasa

Model ini merujuk kepada pendekatan berasaskan bahasa. Ia dapat membantu pelajar meningkatkan pengetahuan mereka tentang bahasa sasaran dengan menfokuskan kepada kategori kosa kata, leksikal dan wacana yang biasa. Secara umumnya model ini membantu memahami teks dan rumusan tafsiran yang bermakna. Ini dapat memudahkan penghayatan dan pemahaman estetika terhadap teks. Pendekatan sedemikian membolehkan pelajar mengakses teks dengan sistematik dan berkaedah untuk mengkaji contoh linguistik tertentu, bahasa literal dan kiasan secara langsung dan tidak langsung. Pendekatan ini sesuai dengan pelbagai aktiviti yang boleh digunakan dalam pengajaran seperti *prosedur cloze*, latihan ramalan, ayat campur aduk, penulisan ringkasan, penulisan kreatif, dan main peranan yang digunakan oleh guru untuk penggunaan teks sastera bagi mencapai matlamat linguistik tertentu.

2 - Model Budaya

Model budaya membantu pelajar menganalisis karya sastera yang berkaitan dengan budaya sasaran, seperti sejarah sastera atau genre. Ia memerlukan pelajar meneroka dan mentafsir konteks sosial, politik, sastera dan sejarah teks tertentu. Model ini memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka latar belakang budaya, yang membawa kepada pemahaman sebenar tentang karya sastera dan menggalakkan pelajar memahami budaya dan ideologi yang berbeza berhubung dengan pengalaman mereka sendiri.

3 - Model Perkembangan Peribadi

Model perkembangan peribadi, atau model pengayaan merupakan jambatan yang cuba merapatkan model bahasa dan model budaya dengan memberi tumpuan kepada penggunaan bahasa tertentu dalam teks sambil meletakkannya dalam konteks budaya

tertentu. Model ini melibatkan peribadi, intelek dan emosi pelajar serta pengalaman peribadi. Pelajar digalakkan untuk meluahkan perasaan dan pendapat mereka dengan menghubungkan antara pengalaman peribadi dan budaya mereka sendiri melalui pemahaman yang dinyatakan dalam teks. Tujuan utama model ini ialah untuk membantu pelajar mengembangkan pengetahuan tentang idea dan kandungan bahasa melalui tema dan topik yang berbeza berdasarkan pengalaman mereka sendiri.

Daripada perbincangan di atas, boleh dirumuskan bahawa ketiga-tiga model pengajaran sastera ini berbeza dari sudut fokusnya terhadap teks. Dalam model bahasa, teks digunakan sebagai fokus untuk analisis tatabahasa dan struktur. Manakala dalam model budaya, teks digunakan sebagai artifak budaya. Dalam model pengembangan peribadi pula, teks dianggap sebagai rangsangan untuk aktiviti bagi pengembangan peribadi. Setiap pendekatan mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Pembelajaran sastera memerlukan model pendekatan bersepada yang terdiri daripada elemen utama ketiga-tiga model tersebut supaya sastera dapat diakses oleh pelajar dan bermanfaat untuk perkembangan bahasa mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini sebagai reka bentuknya. Ia berpusatkan kepada kajian kepustakaan dan temu bual dalam menghasilkan data. Kajian perpustakaan bertujuan menjelaskan pandangan tentang model pengajaran sastera yang diutarakan oleh Carter dan Long (1991). Bagi mendapat data, penulis mengkaji dan menganalisis bahan cetak yang membincangkan masalah kajian ini. Penulis turut menggunakan kajian lapangan melalui instrumen temu bual yang dijalankan ke atas lima peserta yang merupakan pakar bahasa Arab bagi kursus sastera Arab di tiga buah universiti awam. Dapatan daripada peserta disusun mengikut tema dan hanya empat jawapan sahaja dipilih daripada peserta untuk dibentangkan pandangan mereka. Jawapan yang hampir sama dengan salah satu empat jawapan tersebut tidak dibentangkan, bahkan dimasukkan ke dalam salah satu daripada empat tersebut. Temu bual secara berstruktur digunakan untuk mendapatkan data melalui soalan-soalan yang telah disusun mengikut tema secara terperinci. Soalan-soalan tersebut tentang kesesuaian tiga model Carter dan Long (1991) yang boleh diadaptasi untuk pengajaran sastera Arab di peringkat KBD.

DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Bertitik tolak daripada model yang dikemukakan oleh Carter dan Long (1991), dapat dirumuskan bahawa model tersebut boleh diadaptasi untuk pengajaran sastera Arab kepada pelajar di peringkat KBD. Ini kerana sastera Arab mempunyai banyak ciri yang menepati kehendak dan keperluan model tersebut. Analisis teks sastera Arab dapat memenuhi dan menepati ciri-ciri yang terdapat dalam model yang dikemukakan itu. Di samping, sastera Arab dapat membantu penguasaan bahasa Arab yang baik melalui pembelajaran mengikut model tersebut. Justeru, kajian ini

bertujuan mendapatkan pandangan pakar yang terlibat dalam pengajaran sastera Arab bagi melihat kesesuaian penggunaan model tersebut. Berikut adalah hasil temu bual yang dijalankan kepada peserta kajian:

1 - Model bahasa

P1: *Model bahasa ni memang sesuai untuk pembelajaran sastera Arab kerana kita belajar sastera Arab pun perlu mengetahui makna perkataan terlebih dahulu sebelum memahami puisi.*

P2: *Ya, benar... model bahasa ini sesuai untuk pembelajaran sastera Arab yang mempunyai banyak rahsia di sebalik bahasanya.*

P4: *Saya rasa model bahasa ini bersesuaian kerana teks sastera Arab sendiri memerlukan olahan dari sudut bahasa untuk memahaminya. Selain itu pendekatan ini memberi fokus kepada kosa kata, susunan nahu dan juga balaghah yang menjadi asas utama dalam analisis teks sastera Arab.*

P5: *Memang betul... model ini dapat membantu pelajar memahami makna sebenar teks sastera terutama dari sudut stilistik dan retorik.*

2 - Model budaya

P2: *Model budaya ini sesuai untuk pembelajaran sastera Arab sebab teks sastera sendiri memuatkan budaya Arab pada zaman tertentu.*

P3: *Model budaya dapat membantu pelajar mengenali dan memahami budaya Arab mengikut gambaran yang dilukis oleh sasterawan terutama budaya semasa teks itu dihasilkan.*

P4: *Teks sastera Arab mencerminkan budaya semasa. Melalui model ini, budaya Arab dapat diperkenalkan dan bahasa yang menggambarkan budaya dapat dikuasai oleh pelajar.*

P5: *Teks sastera Arab seperti puisi dan prosa dengan pelbagai genrenya mengandungi maklumat tentang budaya zaman yang ditulis seperti sejarah, perkembangan politik, ekonomi, kemasyarakatan, budaya, pendidikan dan pemikiran. Model ini memang sesuai untuk pembelajaran sastera Arab.*

3 - Model perkembangan peribadi

P1: *Model ini sesuai untuk pembelajaran sastera Arab supaya pelajar dapat berinteraksi dengan teks melalui keupayaan intelek dan emosi mereka sendiri. Tujuannya adalah untuk memahami mesej melalui aktiviti membaca serta dapat memperkembangkan kemahiran bahasa yang lain.*

P2: *Pelajar perlu bertindak balas terhadap kandungan bahan bacaan seperti perasaan dan emosi yang berkaitan dengan pengalaman sebenar mereka sendiri. Oleh itu, model ini sesuai untuk pembelajaran sastera Arab.*

P4: Model ini memberi peluang kepada pelajar mengaitkan pengalaman hidup sebenar mereka dengan tema atau kandungan yang terdapat dalam teks yang dipelajari. Oleh itu ia sesuai untuk pembelajaran sastera Arab.

P5: Ya... memang sesuai kerana model ini memberi peluang kepada pelajar membincang isu-isu dalam bahan sastera berdasarkan perspektif mereka sendiri.

Dalam pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau asing, bahan sastera telah diperkenalkan sebagai teks pembelajaran. Mengikut Çatalbaş, G., & Solmaz, O. (2024) kepentingan kesusteraan dalam pengajaran bahasa Inggeris (ELT) semakin meningkat sejak tahun 1980-an disebabkan oleh kepercayaan bahawa konteks yang bermakna dan autentik dapat membantu dalam pemerolehan bahasa. Model pengajarannya telah diperkenalkan oleh Carter dan Long (1991). Dalam pengajaran bahasa Arab pula, bahan sastera jarang digunakan dan merupakan subjek khusus dalam komponan penawaran sukanan. Pengajarannya lebih kepada memahami kandungan. Terdapat juga pelajar yang beranggapan bahawa bahan sastera sukar difahami kerana bahasanya agak tinggi. Pengajarannya juga lebih secara konvensional yang berpusatkan guru dan terjemahan. Kajian ini mengemukakan pandangan guru-guru bahasa Arab terhadap kesesuaian model yang dikemukakan oleh Carter dan Long (1991) untuk pengajaran subjek sastera Arab di peringkat sukanan kurikulum DINI.

Terdapat tiga model yang dikemukakan oleh Carter dan Long (1991). Model ini boleh diubahsuai untuk pengajaran subjek sastera Arab. Kesemua peserta kajian bersetuju bahawa model ini sesuai untuk digunakan dalam pengajaran sastera Arab. Hasil kajian menunjukkan model bahasa bersesuaian dengan sastera Arab bagi memahami kandungan sastera dari sudut bahasa yang merupakan perbincangan asas dalam analisis teks sastera Arab. Langkah pertama adalah mengetahui makna sebenar bagi perkataan yang digunakan mengikut kehendak sasterawan. Makna perkataan ini dijelaskan melalui perbincangan perkataan sinonim dan makna leksikal. Kemudian diikuti dengan perbincangan *nahu* dan *sarf*. Seterusnya perbincangan gaya bahasa yang terdiri daripada balaghah dengan bahagian-bahagiannya. Selepas itu diikuti dengan perbincangan makna umum bagi teks atau gambaran estetika.

Mengikut pandangan peserta kajian, model bahasa dalam pembelajaran sastera Arab terbukti sangat efektif, terutamanya dalam memahami kandungan sastera Arab yang kaya dengan makna dan keindahan tersirat di sebalik bahasa. Pemahaman terhadap kosa kata, susunan *nahu*, dan balaghah adalah aspek utama yang perlu dikuasai untuk menganalisis teks sastera Arab dengan tepat. Oleh kerana bahasa Arab mempunyai banyak lapisan makna, pendekatan ini memberi tumpuan kepada pembelajaran unsur bahasa yang penting bagi memudahkan pelajar memahami dan menafsirkan teks dengan lebih mendalam. Pandangan peserta kajian ini menepati dapatan kajian yang dijalankan oleh Raees Calafato (2024) yang menunjukkan peserta kajian secara umum menzahirkan pandangan tentang penggunaan sastera ini banyak memberi kesan dalam penguasaan bahasa.

Selain itu, teks sastera Arab mempunyai maksud yang tersirat di sebalik bahasa melalui penggunaan gaya bahasa (stilistik) dan retorik yang memerlukan pemahaman khusus. Dengan pendekatan bahasa yang menyeluruh ini, pelajar dapat menyingkap rahsia di sebalik setiap perkataan dan frasa. Seterusnya pelajar dapat memperkaya penghayatan terhadap sastera Arab. Di samping meningkatkan kefahaman, model ini ia juga memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna serta mendalam. Dapatkan ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Jumadil dan Atoh, N. (2022) dalam menganalisis puisi Arab. Selain dapat memahami kandungan teks sastera, model ini dapat membantu pelajar menguasai bahasa Arab dengan baik.

Melalui model budaya, peserta kajian berpendapat bahawa ia sangat sesuai dalam pembelajaran sastera Arab kerana teks sastera Arab menggambarkan budaya dan kehidupan masyarakat pada zaman ia dihasilkan. Melalui model ini, pelajar dapat mengenali pelbagai aspek budaya Arab, termasuk sejarah, politik, ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan, dan pemikiran yang dimuatkan dalam teks sastera seperti puisi dan prosa. Model ini membantu pelajar memahami konteks budaya yang menjadi latar kepada karya-karya tersebut. Dapatkan ini menyokong dapatan Nazife Aydinoğlu (2013) yang menjelaskan penggunaan teks sastera dalam sukanan pembelajaran bahasa. Antara salah satu tujuan penggunaan sastera adalah untuk membiasakan pelajar dengan budaya bahasa tersebut.

Di samping itu, pelajar juga dapat menguasai bahasa yang berkaitan dengan budaya tersebut. Teks sastera Arab dianggap sebagai medium bahasa dan juga sebagai sumber penting bagi menggambarkan realiti sosial dan budaya semasa ia dihasilkan. Dengan memahami budaya melalui karya sastera, pelajar juga dapat memahami tentang masyarakat Arab. Oleh itu, model budaya dapat memperkaya pembelajaran sastera Arab dan memberikan perspektif yang lebih luas tentang kehidupan serta pemikiran masyarakat Arab pada masa lalu. Dapatkan ini bersesuaian dengan dapatan kajian Farhanah Mohamad Fikray dan Hadina Habil (2022) yang menjelaskan kepentingan model ini.

Menurut peserta kajian, model perkembangan peribadi dalam pembelajaran sastera Arab adalah satu kaedah yang efektif kerana ia menggalakkan pelajar berinteraksi secara aktif dengan teks melalui dimensi intelek dan emosi mereka. Melalui pendekatan mengaitkan pengalaman hidup pelajar dengan tema-tema dalam teks, mereka dapat mengembangkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap mesej yang ingin disampaikan oleh sasterawan. Model ini memberi ruang kepada pelajar untuk bertindak balas terhadap kandungan teks berdasarkan perasaan dan pengalaman peribadi mereka. Seterusnya, ia memperkuat kemahiran bahasa dan pemikiran kritikal. Dapatkan ini selari dengan dapatan yang dikemukakan oleh Lok Raj Regmi (2024) tentang sastera sebagai bahan dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membangunkan potensi pelajar secara seimbang dan menyeluruh, merangkumi aspek intelek, emosi, psikologi dan sosial.

Selain itu, model ini membimbing pelajar berdiskusi tentang isu-isu yang terkandung dalam karya sastera dari perspektif individu, yang membolehkan mereka lebih memahami nilai budaya dan sosial yang terkandung dalam bahan sastera Arab.

Oleh itu, model perkembangan peribadi bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran, tetapi juga menjadikan proses pembelajaran lebih relevan dan bermakna dalam konteks kehidupan semasa pelajar. Dapatan kajian ini menyokong cadangan yang dikemukakan oleh kajian Ahed Hani Almsaiden (2024).

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti pandangan pakar Bahasa Arab tentang kesesuaian model yang dikemukakan oleh Carter dan Long (1991) untuk pengajaran sastera Arab, dengan melihat kesesuaianya dalam konteks pelajar bukan penutur jati. Terdapat tiga model utama yang dikemukakan, iaitu model bahasa, budaya, dan perkembangan peribadi. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiga model ini adalah relevan dalam meningkatkan pemahaman terhadap sastera Arab. Model bahasa menekankan kepentingan memahami kosa kata, nahu, dan balaghah dalam analisis teks sastera Arab. Ia membolehkan pelajar menguasai makna sastera yang mendalam di sebalik setiap perkataan dan frasa. Model budaya pula membantu pelajar mengenali konteks kandungan seperti sejarah, politik, ekonomi, budaya, pemikiran dan sosial dalam karya sastera. Ia dapat memperkaya pemahaman terhadap budaya Arab yang terkandung di dalam teks tersebut. Model perkembangan peribadi pula memberi peluang kepada pelajar untuk menghubungkan pengalaman hidup mereka dengan tema-tema dalam teks, serta menggalakkan pemikiran kritikal dan refleksi emosi terhadap kandungan sastera. Kesimpulannya, penggunaan ketiga-tiga model ini sesuai bagi pengajaran subjek sastera Arab dan memperkuatkan penguasaan bahasa Arab, memperkaya pengalaman pembelajaran, serta menjadikan proses pembelajaran sastera Arab lebih relevan, mendalam dan bermakna untuk pelajar bukan penutur jati. Model ini dapat membantu pelajar memahami dan menghargai sastera Arab secara menyeluruh, termasuk aspek budaya dan nilai sosial yang terkandung di dalamnya.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Ismail. (1994). *Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua: Permasalahan dan Penyelesaian*. Dalam Muhammad Bukari Lubis. Persuratan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razif Zaini, Muhammad Redzaudin, Rufian Ismail, Mohamad Rushdan, Nurshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan. (2017). Permasalahan dalam Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Ahed Hani Almsaiden. (2024). The Degree of How Arabic Language Teachers Take into Account the Skills of Literature Circles in Teaching Arabic Literature for the Secondary Students. *Pegem Journal of Education and Instruction*, 14 (1), 178-185.
- Alam, F. (2007). *Imperial Entanglements and Literature in English: Using Postcolonial Literature in ELT*. Dhaka: Writers. Ink.
- Aprillya Alwien Suoth, Ceisy Nita Wuntu, Olga A. Rorintulus. (2023). The Effectiveness of Using Novels in Learning Process to Improve the English

- Language Skills: A Systematic Review. *JELTEC: Journal of English Language Teaching, Literature and Culture*. 2 (1), 84-95.
- Asmuni Zumrah, Nazipah Mat Shaid@Md. Said & Rosni Samah. (2020). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Politik dan Ekonomi dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di Universiti Awam. *Sains Humanika*, 12(2), 55-60.
- Atoh, N. (2020). Keberkesanan Peta Minda dalam Pengajaran Kesusasteraan Arab untuk Pelajar Program Bahasa Arab, UPSI: The Effectiveness of Mind Maps in Teaching Arabic Literature for Student of Arabic Language Program, UPSI. *'Abqari Journal*. 23, 1 (Sep. 2020), 70-83.
- Brumfit, C. J. dan Carter R. A. (eds.) (1986) *Literature and Language Teaching*. Oxford: Oxford University press.
- Carter, R., dan Long, M.N. (1991) *Teaching literature*. Harlow: Longman.
- Çatalbaş, G., & Solmaz, O. (2024). The investigation of English language teachers' use of literature and innovative technologies in the classroom according to various variables. *Focus on ELT Journal*, 6 (1), 24-40.
- Collie, J., Slater, S. (1987). *Literature in the Language Classroom*. Cambridge University Press: Cambridge.
- Collie, J. & Stephen, S. (1987) *Literature in the Language Classroom: A Resource Book of Ideas and Activities*. Cambridge: Cambridge University press.
- Duff, A. & Maley, A. (2007). *Literature*. Oxford University Press: Oxford.
- Farhanah Mohamad Fikray & Hadina Habil. (2022). The Implementation of Literature Teaching Approaches in the ESL Classroom: A Systematic Review. *LSP International Journal*, 9 (1), 149-165.
- Harun Baharudin. (2017). Strategi dan Teknik Terjemahan Novel Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17 (4), 225-245.
- Izzah Syakirah Maaruf & Rosni Samah. (2020). The Ability to Translate Arabic Vocabulary Among Stam Student/ Kebolehan Menterjemah Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar STAM. *Sains Humanika*, 12(3), 12-23.
- Jumadil, & Atoh, N. (2022). Analisis Puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail Berdasarkan Pendekatan Strukturalisme Genetik. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(1), 87-101.
- Kramsch, C. (1993) *Context and Culture in Language Teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Kurikulum Standard Sekolah Menengah. (2022). *Kurikulum Bersepadu Dini Semakan Al-Adab wa Al-Balaghah. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 4*. Bahagian Pendidikan Islam. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lazar, G. (1993). *Literature and Language Teaching: A Guide for Teachers and Trainers*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lazar, G. (1993). *Literature and Language Teaching*. Cambridge University Press: Cambridge.
- Leavis, F. R. (1943). *Education and the University*. Chatto and Windus: London.

- Lok Raj Regmi. (2024). The Use of Literature in Language Teaching: A Pedagogical Approach from the Nepali Perspective. *SCHOLARS: Journal of Arts & Humanities*, 4 (1), 1-10.
- Lujnah I'dad wa Tatwir lil manahij bil al-Azhari al-Syarif. (2021). *Tarikh al-Adab al-Arabi wa Nususuhu lilsafi al-Awwal athanawi*. Qita' al-Maahid al-Azhariyyah. Al-Azhar al-Syarif.
- Maley, A. Molding, S. (1985). *Poem into Poem*. Cambridge University Press: Cambridge.
- Mohamad, A. H., & Sulong, W. M. W. (2016). Minat dan sikap pelajar bachelor bahasa Arab di IPTA Malaysia terhadap bahasa Arab. *Jurnal al-Anwar*, 1(1), 21-37.
- Nellufar Yeasmin, Md. Abul Kalam Azad & Jannatul Ferdoush. (2011). Teaching Language through Literature: Designing Appropriate Classroom Activities. *ASA University Review*, 5 (2), 283-297.
- Nazife Aydinoğlu (2013) Use of Literature in Language Teaching Course Books. *International Journal of New Trends in Arts, Sports & Science Education*, 2 (2), 36-44.
- Nursafira Lubis Safian, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & Nik Hanan Mustapha. (2022). Persepsi dan Strategi Pelajar Bukan Arab terhadap Penggunaan Novel dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Issues in Language Studies*, 11(1), 55-73.
- Osman Khalid. (1993). *Pengajian Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah dan Puusat Pengajian Tinggi di Malaysia*. Dalam Ismail Ab Rahman, Abd Aziz@Ahmad dan Mohd Yasin Muda (pynt). *Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia: cabaran dan harapan*. Kuala Terengganu: Penerbit Kolej Agama Sultan Zainal Abidin.
- Parkinson, Brian; Thomas, H.R. (2001). *Teaching English in a Second Language*. University Press: Edinburg.
- Radzi, N. A. A., Mustapha, N. F., dan Tok Lubok, P. (2017). Pemilihan bahan bacaan Arab dalam kalangan pelajar universiti awam. *Jurnal Kesidang*, 2, 144-153.
- Raees Calafato. (2024). Literature in language education: exploring teachers' beliefs, practices, creativity, and literary competence. *Pedagogies: An International Journal*, 19 (1), 80-98.
- Rosni Samah. (2009). *Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam.
- Rosni Samah, Aishah Isahak, Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohamad Yazid Abdul Majid, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi dan Hishomudin Ahmad. (2023 A). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Sastera dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 6(4), 64-77.
- Rosni Samah, Aishah Isahak, Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohamad Yazid Abdul Majid, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi dan Hishomudin Ahmad. (2023). Kepentingan Bahasa Sastera dalam Pembelajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8 (10), 1-15.
- Rosni Samah, Aishah Isahak. (2024). Cabaran dan Solusi Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. *Al-Qanatir*, 33 (5), 13-21.

- Rosni Samah, Aishah Isahak, dan Wan Azura Wan Ahmad. (2020). Amalan guru cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa dan sastera Arab mengikut strategi Ibnu Khaldun. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 35(1), 37-54.
- Siti Saudah Hasan. (1994). *Permasalahan Bahasa Arab dan Masalah Pembelajaran Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Asing*. Dalam: Masyarakat Pelbagai Etnik di Malaysia. Bangi: Pusat Bahasa Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tarmizi. (1997). Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. *Tesis Sarjana*. Fakulti Bahasa dan Linguistik. University Malaya.
- Zainul Rijal Abdul Razak dan Rosni Samah.(2018). Saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi: permasalahan dan strategi pengajaran. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 8(2): 61-70.
- Zainul Rijal, Rosni Samah, Mohammad Fauzi Jumingan dan Mohd Shahriman Abu Bakar. (2016). Kebolehan Menguasai Kosa Kata Bahasa Arab dalam Buku Teks di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 5, 33-43.